



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

**PENGUMUMAN RASMI**

**KRISIS COVID-19 :  
PELAKSANAAN PENGURUSAN DAN AKTIVITI AKADEMIK  
SAMBUNGAN SEMESTER II, SESI 2019/2020**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Saudara/saudari Pelajar yang dihormati

Merujuk kepada Pengumuman Rasmi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) bertarikh 1 April 2020 berkaitan dengan Pindaan Kalendar Akademik Semester II, Sesi 2019/2020, iaitu sambungan Semester II, Sesi 2019/2020 yang akan bermula pada 1 Jun 2020 (Isnin) dan Pengumuman Rasmi bertarikh 4 Mei 2020 berkaitan dengan Persediaan Pelaksanaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Sambungan Semester II dan Semester Pendek.

Dalam melaksanakan pengurusan dan aktiviti akademik yang disesuaikan dengan krisis Covid-19, pihak Universiti telah membuat keputusan seperti berikut :-

**1. Pelaksanaan Pengajaran dan Pengajaran (PdP)**

- i. Aktiviti PdP akan dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian tanpa menjaskan hasil pembelajaran kursus.
- ii. Bagi kursus-kursus yang memerlukan penggunaan makmal secara intensif dan pelajar yang mempunyai keperluan khas, pihak Fakulti akan memaklumkan kepada pelajar tentang keperluan untuk kembali ke kampus tertakluk kepada keputusan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Pengajian Tinggi.
- iii. Bagi Ujian Pertengahan Semester dan lain-lain bentuk penilaian, ianya akan dilaksanakan secara dalam talian. Buat masa ini, pihak Universiti masih mengekalkan pelaksanaan Peperiksaan Akhir secara bersemuka tertakluk kepada andaian sekiranya pelajar dibenarkan kembali ke kampus selewat-lewatnya pada bulan Ogos 2020. Maklumat lanjut berkaitan perkara ini akan dimaklumkan kemudian nanti.

- iv. Bagi pelajar yang menghadapi isu capaian internet, pelajar hendaklah berhubung dan berbincang dengan pensyarah kursus masing-masing bagi memastikan aktiviti PdP tidak terjejas. Sekiranya pelajar gagal memaklumkan status kebolehcapaian internet kepada pensyarah masing-masing selewat-lewatnya pada 7 Jun 2020 (Ahad), maka pihak Universiti berhak memberikan status “Tidak Selesai” (TS) kepada pelajar bagi kursus berkenaan pada semester ini.

## **2. Latihan Industri**

Pihak Universiti menyedari terdapat pelajar yang mempunyai masalah dalam melengkapkan latihan industri atas situasi berikut :

- i. Syarikat/Industri menangguhkan sementara operasi semasa PKP

Pelajar hendaklah berbincang dengan Penyelaras Latihan Industri di Fakulti untuk menggantikan latihan industri melalui kaedah alternatif yang bersesuaian dengan penglibatan kerjasama pihak industri dan penyeliaan projek akan dikawalselia oleh Pengamal Industri (Contoh; Projek berdasarkan penyelesaian masalah industri).

- ii. Penutupan Industri atau Industri tidak berminat menerima pelajar untuk meneruskan Latihan Industri

Pelajar hendaklah berbincang dengan Penyelaras Latihan Industri di Fakulti bagi menyediakan tugas Latihan Industri yang memfokuskan kepada penyelesaian masalah industri dan tugas pelajar akan diselia oleh seorang Penyelia yang akan dilantik oleh pihak Fakulti.

## **3. Program Mobiliti Pelajar**

- i. Pelajar Mobiliti (*Outbound*)

Pelajar adalah tertakluk kepada peraturan dan pengurusan semasa oleh Universiti yang menjadi hos kepada pelajar. Bagi pelajar yang telah pulang ke Malaysia, akan meneruskan program mobiliti secara dalam talian.

- ii. Pelajar Mobiliti (*Inbound*)

Pelajar dibenarkan pulang ke negara asal masing-masing dan akan meneruskan program mobiliti dengan mengikuti PdP dan penilaian akhir secara dalam talian.

#### **4. Program Pengajian Pascasiswazah Mod Penyelidikan**

##### i. Penangguhan Pengajian

Pihak Universiti membenarkan pelajar pascasiswazah tempatan mod penyelidikan memohon penangguhan pengajian pada Semester II, Sesi 2019/2020 dan tempoh penangguhan ini dikategorikan sebagai “Penangguhan Pengajian Tidak Dikira”. Borang permohonan yang lengkap mesti dihantar melalui e-mel kepada Dekan Fakulti masing-masing untuk kelulusan sebelum 12 Jun 2020.

##### ii. Penggunaan Makmal Secara Fizikal

Berdasarkan pengumuman oleh pihak Kerajaan, yang membenarkan pelajar pascasiswazah menggunakan makmal secara fizikal bagi menjalankan penyelidikan masing-masing, pelajar yang berhasrat pulang ke Universiti hendaklah menghubungi Institut Pengajian Siswazah (IPS) bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Keutamaan permohonan adalah kepada pelajar mod penyelidikan yang memerlukan keberadaan di makmal atau studio. Tanpa surat kelulusan dari IPS, pelajar tidak dibenarkan berada di makmal atau studio. Permohonan dihantar melalui e-mel ke IPS sebelum 29 Mei 2020.

#### **5. Konsultasi Akademik**

Bagi para pelajar yang mempunyai masalah dan kemasukan berkaitan dengan pengurusan dan aktiviti akademik hendaklah menghubungi Penasihat Akademik masing-masing untuk konsultasi.

Berdasarkan situasi semasa, pihak Universiti memohon komitmen semua pihak bagi memastikan kelancaran pelaksanaan PdP Dalam Talian supaya kualiti PdP dan hasil pembelajaran berada pada tahap ditetapkan.

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) akan memaklumkan hal-hal yang berkaitan dengan PdP dari masa ke semasa berdasarkan kepada perkembangan dan situasi terkini

Sekian, terima kasih



Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli bin Hainin  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Tarikh : 21 Mei 2020  
Bil. 4/2020

s.k

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan  
Ketua Pustakawan  
Penasihat Undang-Undang  
Semua Dekan Kanan / Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan  
Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe #StayStrong #StayAtHome #AmalkanPenjarakanSosial #KitaJagaKita